

Nama:

Tarikh:

BAHASA MELAYU TAHUN 5

TEMA 8: EKONOMI, KEUSAHAWANAN DAN PENGURUSAN KEWANGAN

UNIT 23: USAHAWAN BERWAWASAN

SP: 2.1.2 Membaca dan merujuk kamus serta media elektronik untuk mencari makna perkataan dan meneliti ejaan yang tepat mengikut susunan.

Arahan: Baca dan rujuk buku teks halaman 174. Padankan makna yang tepat dengan ejaan yang berwarna berdasarkan teks di bawah.

Tajuk: Mudahnya Ibu Berniaga

Ibu Farisha mengusahakan perniagaan pembuatan kek di rumah. Beliau berniaga secara dalam talian.



Puan Faezah pandai membuat pelbagai jenis kek yang lazat. Selain itu, hiasan pada kek juga kreatif. Beliau menghias kek mengikut **tempahan** pelanggan. Beliau tidak ketinggalan mengikuti **trend** terkini teknik hiasan kek.

Pada permulaannya, kek yang dibuat oleh Puan Faezah hanya ditempah oleh **jiran** tetangga. Namun begitu, selepas Farisha dan Farhana memuat naik video ibu mereka membuat kek dalam Facebook, tempahan semakin **meningkat**. Video itu telah tular dalam media sosial.

Oleh sebab **permintaan** yang tinggi, Farisha dan Farhana selalu **membantu** ibu mereka. Farisha mencari maklumat tentang jenis kek yang disukai ramai. Farhana pula akan menyiapkan **pembungkusan** kek. Pembungkusan kek mereka menarik, kemas dan berkualiti.



Mereka menggunakan kemudahan **media sosial** untuk **promosi** dan tempahan. Pelanggan boleh membayar tempahan secara dalam talian atau menerusi **perkhidmatan** tunai semasa hantar kepada pelanggan. Pelanggan berpuas hati dengan perkhidmatan tersebut.



Para pelanggan yang menggemari kek Puan Faezah memberikan maklum balas yang baik dalam media sosial. Kini, Puan Faezah **berusaha** untuk membuka sebuah kedai kek di bandar pula. Beliau juga sedia menerima **ejen** jualan.



Soalan di bawah



Nama:

Tarikh:

Arahan: Padankan perkataan dengan makna yang tepat.

Cari maksud perkataan melalui pautan di bawah:

<https://prpm.dbp.gov.my/Default>



Perkataan

tempahan

trend

jiran

meningkat

permintaan

membantu

pembungkusan

media sosial

promosi

perkhidmatan

berusaha

ejen

Makna

perkembangan

alat komunikasi

iklan

pembayaran

tetangga

bertekun

meninggi

wakil

kehendak

pesanan

menolong

pembalutan